



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

**YBHG. DATUK SERI MAZLAN BIN LAZIM
TIMBALAN KETUA POLIS NEGARA KE-27**

1. **Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong** dengan nasihat **YAB Perdana Menteri** atas perakuan **Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP)** telah memperkenan pelantikan **YBhg. Datuk Seri Mazlan bin Lazim** sebagai **Timbalan Ketua Polis Negara** yang baharu berkuatkuasa mulai **25 Jun 2021**.
2. YBhg. Datuk Seri Mazlan bin Lazim berumur 59 tahun dan dilahirkan pada 25 Disember 1961 di Kota Setar, Kedah.
3. Dengan kelulusan Ijazah Sarjana dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi Sumber, beliau pernah menjawat jawatan di daerah sebagai:
 - Timbalan Ketua Polis Daerah (TKPD) Melaka Tengah;
 - TKPD Tanah Merah, Kelantan;
 - TKPD Shah Alam, Selangor;
 - Pegawai Staf Latihan di Maktab Polis Kuala Kubu Bharu, Selangor;
 - Pegawai Belanjawan, Bahagian Latihan Bukit Aman;
 - Ketua Polis Daerah (KPD) Padang Besar, Perlis; dan
 - KPD Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

4. Di peringkat Kontinjen atau Negeri, beliau pernah bertugas sebagai Timbalan Ketua Polis Negeri Kelantan sebelum dinaikkan pangkat seterusnya dilantik sebagai Ketua Polis Kelantan.
5. Beliau juga pernah diamanahkan sebagai Timbalan Ketua Polis sebelum dinaikkan pangkat sebagai Ketua Polis Kuala Lumpur.
6. YBhg. Datuk Seri Mazlan bin Lazim juga pernah dilantik sebagai Ketua Pengarah, Bahagian Perlindungan Jabatan Perdana Menteri.
7. Sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Polis Negara, beliau menyandang jawatan sebagai Pengarah Jabatan Logistik dan Teknologi Bukit Aman.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

25 Jun 2021, Putrajaya

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Bahagian Komunikasi Korporat di talian 03 – 8886 8524/ 8525.